



Jabatan Alam Sekitar  
Department of Environment

Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar  
Ministry of Natural Resources & Environment  
Aras 1 - 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
62574 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8871 2000  
Faks : 03-8889 1040 /  
03-8888 9987 (Pentadbiran)  
03-8889 1978 (Kewangan)  
03-8888 2693 (Integriti)  
03-8888 4151 (Udara)  
03-8889 1042 (Komunikasi Strategik)  
03-8889 1045 (Penilaian)  
03-8888 4070 (Air Dan Marin)  
03-8888 0067 (Penguatkuasa)  
03-8888 9964 (Teknologi Maklumat)  
03-8888 6120 (Bahan Berbahaya)  
03-8889 1973/1975 (Bilik Operasi)  
Laman Web : www.doe.gov.my



Rujukan Kami : JAS 91/110/611/064

Jilid 34 ( 25 )

Tarikh: 13 Februari 2018

## SEGERA DENGAN FAKS

Semua Pengarah-Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Negeri

Ketua-Ketua Cawangan

Tuan/Puan,

**Pengaktifan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka Dan Prosedur Tetap Operasi (SOP) Untuk Melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran Di Tanah Gambut.**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Dimaklumkan, bagi menghadapi cuaca panas dan kering, tuan/puan diminta untuk meningkatkan aktiviti pemantauan dan mengambil tindakan yang lebih tegas ke atas aktiviti pembakaran terbuka serta menggerakkan Pelan Tindakan Mencegah Pembakaran Terbuka di peringkat Negeri masing-masing **berkuatkuasa dengan serta merta**. Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Mengaktifkan dan meningkatkan aktiviti-aktiviti rondaan darat bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya ke kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mudah terbakar (*fire prone areas*);
- (ii) Tindakan mahkamah hendaklah dilaksanakan bagi kes-kes pembakaran terbuka di kawasan tapak binaan, industri dan ladang manakala bagi kes-kes pembakaran terbuka yang kecil kompaun dikenakan;

..2/-

9.

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"  
"Environmental Conservation, Our Shared Responsibility"



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2008  
NO. SIJIL : AR 5141

- (iii) Memastikan pembakaran yang merupakan aktiviti yang diisytiharkan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeiling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003;
- (iv) Mengeluarkan surat arahan kepada pihak Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah dan kepada pemilik ladang supaya mengambil langkah pencegahan serta sentiasa mengawal rapi serta memastikan kawasan seliaan masing-masing tidak terbakar bagi mengelakkan kejadian jerebu di kawasan masing-masing;
- (v) Mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan ke atas pelepasan dari kenderaan bermotor dan industri;
- (vi) Mengaktifkan kempen-kempen kesedaran khususnya melalui radio tempatan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan aktiviti yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara terutamanya pembakaran terbuka;
- (vii) Memastikan penglibatan masyarakat setempat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka; dan
- (viii) Memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan dari orang ramai melalui bilik-bilik operasi JAS Negeri.

3. Di samping itu juga, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi Arahan Pejabat Bil 18/2014 berkaitan pemakaian dokumen Prosedur Tetap Operasi Pemantauan Dan Penyiasatan Aktiviti-Aktiviti Pembakaran Terbuka; dan Prosedur Tetap Operasi Pengurusan Dan Pengendalian Kejadian Jerebu Setempat Yang Disebabkan Oleh Kebakaran Hutan/Tanah Gambut dan Pembakaran Terbuka dalam melaksanakan penyiasatan dan aktiviti tersebut di atas.

4. Bagi negeri-negeri yang melaksanakan Projek Pencegahan Pembakaran Di Tanah Gambut iaitu Selangor, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah, pihak Tuan/Puan hendaklah melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran Di Tanah Gambut Semasa Musim Panas dan Kering di peringkat negeri masing-masing **berkuatkuasa dengan serta merta** mengikut Prosedur Tetap Operasi (SOP) berkenaan. Langkah-langkah berikut perlu diambil:

- (i) Melaksanakan pemeriksaan harian di semua kawasan tanah gambut yang mudah terbakar di seluruh Negeri untuk menentupasti paras air di saliran;

..3/-

*g.*

- (ii) Mengeluarkan notis kepada Jabatan Perhutanan/Pihak Berkuasa Tempatan/RELA untuk memantau pembakaran terbuka melalui menara tinjau setiap hari;
- (iii) Mengeluarkan notis dalam tempoh 24 jam kepada Jabatan Mineral dan Geosains untuk mengepam air dari telaga air tanah ke saluran jika saluran kering; dan
- (iv) Mengeluarkan notis dalam tempoh 24 jam kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memeriksa keadaan *check dam* dan memantau paras air saluran jika saluran kering.

5. Sehubungan itu, pihak Tuan/Puan dikehendaki menghantar laporan berkaitan tindakan yang diambil ke atas kes-kes pembakaran terbuka yang dikesan sama ada melalui laporan *hotspots* (dikeluarkan oleh Bahagian GIS Ibu Pejabat setiap hari) atau operasi rondaan harian. Laporan berkenaan hendaklah dihantar ke JAS Ibu Pejabat setiap hari sebelum jam 5.00 petang dan dikemaskini ke dalam sistem e-KAS modul pembakaran terbuka.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“NEGARAKU, ALAM SEKITARKU”**

Saya yang menurut perintah,



**(MOKTHAR BIN ABDUL MAJID)**  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Edaran Dalaman

1. YBhg. Dato' KPAS
2. Tuan TKP(P)
3. P(K)
4. P(U)